

**Raja Perlis Terima Menghadap Duta Ecuador
Bernama
05 Julai, 2012**

KANGAR, 5 Julai (Bernama) -- Raja Perlis Tuanku Syed Sirajuddin Putra Jamalullail dan Raja Perempuan Perlis Tuanku Tengku Fauziah Tengku Abdul Rashid pada Khamis berkenan menerima menghadap Duta Besar Ecuador ke Malaysia, Lourdes Puma Puma di Istana Arau.

Majlis menghadap itu adalah sempena lawatan kerja Puma Puma selama empat hari ke Perlis sejak 2 Julai lalu.

Semasa berada di Perlis, duta itu turut menghadiri majlis pelancaran pameran fotografi Ecuador bertemakan 'Sons of The Sacred Waterfalls' oleh Raja Muda Perlis Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail di Mes Pegawai Kanan Polis di sini pada 2 Julai.

Semalam Puma Puma merasmikan pameran yang sama di Perpustakaan Awam Negeri Perlis yang akan berlangsung sehingga 11 Julai ini dan selepas itu pameran berkenaan akan dipindahkan ke kampus Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) di Pauh Putra selama lima hari bermula 13 Julai.

Duta itu turut diundang pada program syarahan bersiri antarabangsa anjuran UniMAP dengan menyampaikan syarahan bertajuk 'Ecuador in a changing world' pada 3 Julai di samping mendengar taklimat mengenai pembangunan Perlis.

-- BERNAMA

Hak Cipta Terpelihara © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=678223>